

29 FEB 1996

Basikal

PELUMBA AUSTRALIA MENANG PERINGKAT AWAL LE TOUR

LANGKAWI, 29 Feb (Bernama) -- Pelumba basikal Australia, Jay Sweet mencatatkan permulaan yang menarik apabila beliau memenangi acara awal Le Tour de Langkawi yang dilangsungkan di pulau peranginan ini pagi ini.

Jay Sweet, 20, bukan sahaja gembira memenangi perlumbaan itu tetapi juga berasa bertuah kerana dapat melakukannya di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyampaikan jersi kuning kepada beliau sebagai pendahulu keseluruhan.

Acara itu dilepaskan oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Jay yang mewakili pasukan Giant-AIS Australia memenangi perlumbaan itu dengan masa 1:31.43s.

Di belakang Jay ialah Ric Reid dari New Zealand diikuti dengan Bryan Steel dari Britain yang terlewat dua saat ke garisan penamat.

Tempat keempat hingga ketujuh ialah Eric Wohlberg dari Kanada, Cory Sweet dari Australia, Marc Jacobson dari Denmark dan Damian Booth dari Afrika Selatan.

Jay yang juga anggota skuad basikal olimpik Australia berkata perlumbaan itu adalah baik dan beliau tidak menghadapi banyak masalah dengan laluan yang disediakan.

"Laluannya tidak berbukit dan ini membolehkan saya mengekalkan kepantasan lebih kurang 45km sejam," kata beliau.

Jay meramalkan dengan keadaan mereka sekarang, Australia yang menghantar dua pasukan mempunyai peluang untuk memenangi lima tempat pertama dalam acara peringkat pertama ujian masa berpasukan esok.

Pelumba basikal Malaysia, Halim Razak yang mewakili pasukan C ialah penunggang tempatan yang pertama sampai ke garisan penamat dan mendapat tempat yang ke-32 dengan masa 1:33.54s.

Walaupun gagal menduduki tempat 10 di atas Halim tetap gembira dengan kedudukannya.

"Kejayaan saya ini akan mendorong saya untuk membuat persembahan yang lebih baik dalam acara ujian masa berpasukan esok dan saya harap akan menduduki tempat yang lebih baik," kata Halim..

Seramai 134 peserta dari 20 negara mengambil bahagian dalam perlumbaan sejauh 70.80km mengeliling Pulau Langkawi itu. Ini adalah sebagai acara pemanas sebelum perlumbaan peringkat pertama esok.

Yang turut hadir untuk menyaksikan perlumbaan itu ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Arof dan Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

-- BERNAMA

AHA WAT NMO